

15/07/2002

LTdL berpeluang naik taraf

Zairee Zahir; Wan Hazmir Bakar

PERSOALAN sama ada status perlumbaan Le Tour de Langkawi (LTdL) tahun depan kekal atau dinaikkan taraf hanya akan terjawab apabila Kesatuan Berbasikal Antarabangsa (UCI) bermesyuarat Oktober ini.

Begitupun, penganjur First Cartel berkata, pihaknya yakin permohonan menaikkan status perlumbaan jelajah itu daripada 2.3 kepada 2.2 akan dipertimbang dengan sewajarnya oleh pengurusan UCI yang mengakui mutu penganjurannya cukup baik dan lancar.

Pengerusinya, Datuk Wan Lokman Ibrahim berkata, pihaknya sudah menghantar surat permohonan kenaikan status Mei lalu dan berdasarkan maklum balas diterima, jelajah berprestij Asia yang diperkenalkan sejak 1996 itu berpeluang cerah dinaikkan taraf.

"Ramai pegawai bertugas dan menyaksikan perlumbaan edisi ketujuh Februari lalu, termasuk pemerhati UCI dari Itali, Francesco Moser memberi maklum balas yang positif terhadap LTdL 2002.

"Begitupun, UCI mungkin mempunyai pandangan dan perkiraan sendiri dalam pelbagai aspek yang boleh mempengaruhi keputusannya memberi status lebih tinggi itu. Contohnya, tarikh perlumbaan diadakan pada bulan Januari dan Februari sebenarnya adalah terlalu awal bagi musim perlumbaan di Eropah. Pada tempoh itu kebanyakan pasukan profesional masih di peringkat penyesuaian musim," katanya di majlis penghargaan Telekom Malaysia LTdL 2002 dan pengumuman LTdL 2003 di Putrajaya yang disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam.

Menurutnya, ramai pegawai UCI yang pernah menyaksikan LTdL berpendapat pengurusan, kelancaran, hadiah wang tunai serta kemudahan disediakan penganjur adalah terbaik di Asia dan mengatasi sesetengah perlumbaan besar di Eropah.

Malah ramai menganggapnya setanding dengan tiga perlumbaan bertaraf Grand Tours dunia - Tour de France, Giro d Italia dan Vuelta a Espana.

"Kita tunggu dan lihat tetapi walau apa pun keputusan UCI, LTdL 2003 tahun depan tetap diadakan dalam suasana meriah dan lebih baik," katanya.

Wan Lokman berkata, sekali pun status 2.2 mungkin akan menyempitkan jumlah bilangan pasukan bertaraf kebangsaan Asia, pihaknya sudah membuka peluang buat pelumba benua ini bertanding di Gamuda-Eagle Tour di Pulau Langkawi yang akan menjadi acara tahunan tetap.

Oleh itu, katanya, tidak timbul soal jelajah itu akan menutup terus ruang buat pelumba Asia dan amatir bertanding walaupun antara tujuan utama LTdL ialah memberi peluang pelumba Asia berkayuh dan bersaing bersama-sama pelumba handalan profesional dunia.

LTdL 2003 akan bermula di Pulau Langkawi 31 Januari - 9 Februari depan, membabitkan jarak keseluruhan 1379.1km dan enam bandar baru yang akan menjadi tempat permulaan dan penamat.

Mengenai pembubaran pasukan Mapei-Quick Step penghujung tahun ini, Wan Lokman menegaskan ketiadaan pasukan handalan dunia itu tahun depan tidak akan menjejaskan kemeriahan dan aksi sengit kerana pelumbanya pasti dilamar pasukan profesional lain.

"Memang kita terasa kehilangan Mapei kerana mereka banyak membantu mempromosi dan menjadi duta kepada LTdL, tetapi jika pelumbanya berhijrah ke pasukan profesional lain, mereka boleh membantu dan mempengaruhi pengurusan pasukan baru untuk bertanding di sini.

"Jadi saya rasa ia tidak akan menjejaskan kemeriahan mahupun mutu saingan, malah mungkin lebih banyak pasukan handalan lain yang mengambil

bekas pelumba Mapei akan berlumba di LTdL pada masa akan datang," katanya.

Bulan lalu, pemilik Mapei SPA, Dr Giorgio Squinzi membuat keputusan menamatkan tajaan sejak 10 tahun ke atas pasukan profesional bahagian satu Itali itu selepas kecewa dengan kenyataan Presiden UCI, Hein Verbruggen dalam sebuah akhbar harian sukan Itali kononnya syarikat pembuat pelekat kimia bagi industri pembinaan yang ditubuhkan sejak 1937 itu, memeralatkan sukan berbasikal untuk memperkenalkan jenama syarikat itu.

Keputusan pembubaran pasukan itu juga dipercayai ada kaitan dengan kekecewaan terhadap dua pelumba utamanya Stefano Garzelli dan Stefano Zanini yang didapati positif menggunakan dadah rangsangan dalam satu perlumbaan awal tahun ini.